

Haji Ahmad Fuad di dalam makalahnya baharu-baharu ini menyatakan bahawa pengorbanan di dalam agama itu adalah menunggu sangat. Pendapatan ini salah kerana menunggu sangatlah orang kita menjadi mundur, masing-masing kita tidak mau memberi pengertian dan hal yang sedemikian ini adalah acuan kepada kebersihan tiap-tiap seorang. Kalau tiap-tiap seorang muslim telah mengaku 'pengorbanannya' hidup dan matinya kerana Tuhan semesta alam maka bermakna bahawa tidak mesti menunggu sangat memberi pengorbanan dengan apa yang terupaya olehnya – tidakkah begitu?

-----\*-----\*-----

Haji Ahmad Fuad juga bilang bahawa ideologi atau fahaman tinggal belakang – kemerdekaan dahulu. Kalau begitu mengapa ia mau diberikan Pertubuhan Ulama? Dan mengapa ia masih duduk dalam UMNO? Belum ada seseorang bekerja membawa beberapa fahaman yang di antara satu sama lain berlawan-lawanan. Adakah mau jadi gergaji kerja mata dua?

-----\*-----\*-----

Dalam persediaan IMP di Johor pada 16 November Onn dikatakan telah berkata – Apakah yang dikatakan hak Melayu yang dirampas oleh IMP?



# KOPI PAHIT

Orang Melayu dalam kampung takkan rugi dengan adanya IMP. IMP akan menolong mereka yang dikatakan hak Melayu yang dibimbangkan hilang itu hanyalah didapati sebahagian kecil tak sampai seribu orang – sekianlah konon katanya. Sekarang ia bertanya apa hak Melayu tetapi selama enam tahun di dalam UMNO ia berseru menuntut hak Melayu dan kalau begitu tentulah di dalam pekerjaannya enam tahun dahulu di dalam UMNO menjadikan orang-orang Melayu lembu kerana apakah yang dipejuangkannya? Asapakah? Kedudukan atau pangkatkah? . . . . kalau begitu sudah dapat apa yang dicita orang ditendangkah?

-----\*-----\*-----

Onn dikatakan juga telah berkata bahawa IMP akan mencitrakan apa yang dibuatnya dalam masa setahun. Habas, berjanji lagi ! Ia selalu berjanji dan

sekarang berjanji pula akan menolong orang-orang Melayu di kampung – sekali lagi janji dan berjanji mau bercakap lagi sesudah dalam UMNO dahulu ia berkata mulutnya tertutup! Sekarang janji mau bercakap adakah kerana IMP boleh bayar cukup kalau ia kena tendang nanti? T.S.T.

-----\*-----\*-----

Hotel di Singapura merucup seperti cendawan tumbuh dan merebak tumbuh ke lorong-lorong – ke tempat-tempat yang aman dan termasuk juga ke lorong Engku Aman! Yang punya rumah tidak fikir sebab nyaman lalu tidak berfikir kepada penyakit yang berkuman. Penduduk kampung tentu menjerit dan orang ramai bertambah hairan kerana seolah-olah kerajaan tidak nampak bahawa hotel-hotel itu adalah tempat melakukan perbuatan-perbuatan yang bacul! Adakah kerajaan berniat menggalakkan perkara yang tidak semengah ini? Dipercayai tidak kerana ada pasukan anti-bias. Tetapi apakah maknanya pasukan itu kalau

sekiranya tempat-tempat itu diluluskan bertambah beberapa banyak sehingga memasuki kampung-kampung yang aman dan sejahtera maka apakah maknanya

langkah itu?

-----\*-----\*-----

Orang-orang penyokong menggalakkan huruf Rumi mensifatkan huruf Rumi membawa kemajuan. Jadi huruf Melayu digunakan itu maknanya membawa kemunduran? Tidakkah begitu. Belum ada di dalam tawarikh huruf yang menjadi sebab untuk ketinggian sesuatu umat. Cina dengan hurufnya, Jepun dengan hurufnya, Arab dengan hurufnya dan seterusnya masing-masing negeri dengan hurufnya sesuatu telah meningkat kebesaran. Ingatlah bahawa di sebalik cita-cita huruf itu jangan kita terpedaya kerana di dalamnya ada sesuatu tujuan-tujuan yang tersembunyi – apa dia? Camlah nanti kesan-kesannya kepada kita dan anak-anak kita kemudian hari – Cemeti Al-Farouk.